



KEMENTERIAN KESEJAHTERAAN BANDAR, PERUMAHAN DAN  
KERAJAAN TEMPATAN  
UNIT KOMUNIKASI KORPORAT  
ARAS 2  
51 PERSIARAN PERDANA  
PRESINT 4,  
62100 PUTRAJAYA

Telefon : 03-88915000  
Fax : 03-88915557  
Kawat : "MINRUMAH"  
http : //www.kpkt.gov.my  
E-mail : [pro@kpkt.gov.my](mailto:pro@kpkt.gov.my)  
Twitter : [kpkt\\_gov](https://twitter.com/kpkt_gov)  
Facebook : Kementerian Perumahan dan  
Kerajaan Tempatan

---

Fail : KPKT/BPK/19/7/4 Klt.42 (14)

Tarikh : 15 Jun 2013

## SIARAN MEDIA

### **PENINGKATAN AMALAN KITAR SEMULA MENERUSI LARIAN KITAR SEMULA 2013**

Kuala Lumpur, 15 Jun 2013 - Y.B. Menteri Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan melepaskan peserta Larian Kitar Semula 2013 yang ketiga pada pagi ini. Larian ini juga turut dilepaskan secara serentak di 9 lokasi di Semenanjung Malaysia kecuali di Selangor, Perak dan Pulau Pinang.

Berkonsepkan "*Fun Run*" larian ini telah berjaya mengumpulkan 40,000 orang peserta dari pelbagai peringkat umur (jumlah keseluruhan peserta: 9 lokasi), hanya mengenakan syarat penyertaan iaitu penghantaran barang kitar semula kepada Urusetia. Syarat yang mudah dan menarik ini adalah bertujuan untuk menyemaikan budaya amalan kitar semula dalam kehidupan seharian yang kebersihan dan penjagaan alam sekitar. Inisiatif ini akan meningkatkan peratusan kadar kitar semula di Malaysia setara dengan negara maju. Penggunaan bahan kitar semula boleh memberikan impak dalam usaha mengurangkan kos pengeluaran produk. Ini adalah kerana untuk menghasilkan produk berasaskan bahan kitar semula memerlukan input tenaga yang lebih rendah berbanding menggunakan bahan-bahan mentah. Pengurangan

penggunaan bahan mentah dalam industri juga akan menyumbang kepada pembangunan mapan.

Amalan Kitar Semula juga berupaya mengurangkan jumlah sisa pepejal yang akan dilupuskan ke tapak pelupusan. Ini bermakna kos dan penggunaan bahan api untuk pengangkutan boleh dijimatkan. Di samping itu jangka hayat tapak pelupusan akan dapat dipanjangkan. Proses pereputan sisa organik di tapak pelupusan akan menghasilkan pelepasan gas metana yang boleh menyebabkan kesan rumah hijau dan pemanasan global. Dengan mengitar semula sisa-sisa tersebut ia akan dapat mengurangkan pelepasan gas rumah hijau dari tapak-tapak pelupusan.

Wabak penyakit kencing tikus adalah berpunca daripada sampah-sampah yang dibuang bersepah-sepah terutamanya sisa makanandan tidak membuang sampah di merata-rata tempat terutamanya sisa makanan untuk mengelakkan pembiakan agen pembawa penyakit seperti tikus, lipas, lalat dan sebagainya.

Selain daripada larian ini, masyarakat juga dibimbing membudayakan amalan kitar semula **menerusi** pendekatan berikut :

- Program Bank Kitar Semula di Sekolah
- Program Bank Kitar Semula di Tadika
- Pengasingan Sisa di Sumber di Pejabat Kerajaan / Badan Berkanun
- Kitar Semula Melalui Drive-Thru di Pasaraya
- Pengasingan Sisa di Sumber di Taman Perumahan / Komuniti, Aktiviti Pengkomposan,
- Drive-Thru Kitar Semula,
- Program Ceramah, Kempen Benci Sampah
- Penedaran 1 Juta Risalah Amalkan Kitar Semula

- Promosi Kitar Semula di bas ekspres dan Sistem Transit Aliran Ringan (LRT)
- Pengedaran Buku Panduan Pengurusan Sisa Pepejal dan Kitar Semula yang mengandungi tanggungjawab pengguna dalam kaedah pengasingan barangan kitar semula, pengkomposan sisa makanan serta amalan kebersihan terhadap persekitaran serta 25,000 poster di tadika, sekolah, komuniti dan pameran.

Larian yang dianjurkan oleh Kementerian Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) melalui Jabatan Pengurusan Sisa Pepejal Negara (JPSPN) dan Perbadanan Pengurusan Sisa Pepejal dan Pengurusan Awam (PPSPPA) ini telah menyediakan hadiah cabutan utama berupa Sijil Simpanan Premium bernilai RM 5,000.00 (di setiap 9 lokasi), 10 cabutan yang pertama juga akan menerima hadiah iringan iaitu satu set Bakul *Compost Chang*. Set Bakul *Compost Chang* ini merupakan satu kaedah untuk mengitar semula sisa makanan untuk dijadikan bahan kompos yang boleh digunakan untuk menyuburkan tanah.

Larian ini juga memperlihatkan keperihatinan sektor korporat memainkan tanggungjawab sosial untuk membudayakan amalan kitar semula dengan memberikan sumbangan dalam pelbagai bentuk. Penyumbang adalah Alam Flora Sdn. Bhd, Southern Waste Management Sdn. Bhd, Environment Idaman Sdn. Bhd, 100-Plus, Sime Darby Plantations, TESCO, World Wide Landfill, MILO, Bank Rakyat, Maybank, CIMB dan MBSB.

Majlis pada pagi diserikan lagi dengan kehadiran pegawai kanan KPKT dan eksekutif kanan syarikat penyumbang berharap matlamat Amalkan Kitar Semula, Selamatkan Bumi Kita dapat ditingkatkan kepada masyarakat.

---

*Kementerian Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) diterajui oleh Yang Berhormat Dato' Abdul Rahman Dahlan. Di bawah Kementerian ini terdapat 9 Jabatan iaitu Jabatan Perumahan Negara, Jabatan Kerajaan Tempatan, Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia, Jabatan Perancangan Bandar dan Desa, Jabatan Lanskap Negara, Jabatan Pengurusan Sisa Pepejal Negara, Perbadanan Sisa Pepejal dan Pembersihan Awam, Tribunal Tuntutan Pembeli Rumah dan Institut Latihan KPKT.*

Dikeluarkan Oleh : Unit Komunikasi Korporat

b.p. Ketua Setiausaha

Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan

Telefon : 03-8891 5555

Faks : 03-8891 5557

E-mai : [pro@kpkt.gov.my](mailto:pro@kpkt.gov.my)